

Pembangunan pesat, kepadatan penduduk punca Sungai Klang tercemar

RoL bakal beri dimensi baru

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**

kota@utusan.com.my

SHAH ALAM 1 Julai - Pembangunan yang pesat dan jumlah penduduk yang ramai di kawasan Lembah Klang merupakan antara faktor penyumbang kepada pencemaran Sungai Klang.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas berkata, faktor itu telah memberi cabaran besar kepada kerajaan untuk menguruskan masalah yang dihadapi penduduk ekoran berlakunya pencemaran sungai termasuk dari sudut kawalan banjir.

"Kepesanan penduduk yang melebihi empat juta orang di bandar-bandar sekitar Sungai Klang termasuk Ampang dan Shah Alam telah menyebabkan pencemaran Sungai Klang ketika ini berada di kelas III dan IV yang mana ia dikategorikan oleh Jabatan Alam Sekitar sebagai tercemar," katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran Ekspedisi Sungai Klang Bersama Media di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Mohd Ali Mohamad Nor.

Uggah berkata, melalui pelbagai kempen kesedaran yang dilaksana-



WAKIL media dibawa menyusuri Sungai Klang dengan bot bermula dari Jeti Pelabuhan Klang hingga ke Tapak Pelancaran di Uptown Seksyen 24, Shah Alam oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk mendapat gambaran mengenai projek RoL.

kan kerajaan seperti 'Cintailah Sungai Kita' serta penempatan semula setinggan, kadar sampah yang memasuki sistem sungai di lembangan Sungai Klang berjaya dikurangkan.

"Kadar sampah di Sungai Klang yang dicatatkan pada masa kini ialah 77,000 tan setahun dan kita menjangkakan dengan projek River of Life (RoL) yang dilancarkan Julai

tahun lepas, kita akan dapat mengurangkan lagi kadar ini iaitu sebanyak 50,000 tan setahun melalui pelbagai langkah termasuk pemasangan perangkap sampah selain

program kesedaran awam.

"Selain itu, antara usaha yang sedang dijalankan adalah menaik taraf sistem pembetungan sedia ada, menguatkuasakan dasar setinggan sifar dan menaik taraf sistem saliran untuk mengelakkan kejadian banjir," tambahnya.

Terdahulu, kumpulan media telah dibawa memudiki Sungai Klang dengan menaiki bot dalam perjalanan selama 1 jam bermula di Royal Selangor Yacht Club, Pelabuhan Klang dan berakhir di Seksyen 24 di sini.

Menurut Uggah, media turut memainkan peranan yang penting bagi membantu kerajaan membentuk masyarakat membantu pengurusan alam sekitar yang mapan khususnya membabitkan isu pengurusan sungai.

"Selain melaporkan apa yang terjadi kepada sumber alam, media massa juga berperanan membantu kerajaan mentranformasikan Sungai Klang kepada sungai yang bersih.

"Penyampaian mengenai penjagaan sungai dan alam sekitar perlu dilaksanakan dalam bahasa yang mudah difahami, oleh sebab itu kita mengadakan program Ekspedisi Sungai Klang Bersama Media dengan tujuan mendapatkan kerjasama dan komitmen media dalam menyebarkan maklumat terkini mengenai alam sekitar khususnya berhubung isu menguruskan sungai," katanya.